

# UPM kongsi ilmu penanaman cendawan bersama Komuniti Pulau Pangkor, perkasa kemahiran pertanian dan keterjaminan makanan



Oleh: Noor Eszereen Juferi

Foto Oleh: Md Nasir Hussin

SERDANG, 24 Julai – Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) telah menganjurkan kursus penanaman cendawan melibatkan komuniti Pulau Pangkor sebagai usaha memperkasa keterjaminan makanan dan kemahiran pertanian komuniti setempat.

Program yang disertai oleh 40 orang itu melibatkan penduduk Pulau Pangkor serta ahli Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Daerah Manjung.

Ia turut menyokong pelaksanaan projek Kebun Komuniti Cendawan di Pulau Pangkor yang diluluskan di bawah Rukun Tetangga (RT) Progresif, Pejabat Perpaduan dan Integrasi Nasional.

Pegawai Pertanian UCTC, UPM, Mahani Amat @ Halimi, berkata kursus tersebut selari dengan pelaksanaan Blueprint Keterjaminan Makanan UPM yang menekankan pemindahan ilmu kepada masyarakat.



"Peranan UPM adalah untuk menyampaikan ilmu kepada komuniti dan masyarakat. Kursus ini bukan penamat, sebaliknya akan diteruskan dengan program lanjutan pada bulan Ogos melibatkan penghasilan 'patty' burger berdasarkan cendawan," katanya.

Tambah beliau, pendedahan ini bukan hanya tertumpu kepada hasil mentah, tetapi turut merangkumi aspek hiliran seperti pemprosesan makanan yang meningkatkan nilai tambah cendawan.

"Melalui kursus ini, peserta bukan sahaja mempelajari kemahiran asas penanaman cendawan tiram, malah berpotensi menjadikannya sebagai

sumber penjanaan pendapatan kerana ia mudah diusahakan dalam skala kecil seperti kawasan 10x10 kaki dengan hasil daripada 1,000 bongkah,” katanya.

Selain itu, peserta turut didedahkan dengan konsep kitar semula bahan tanaman melalui pembuatan kompos, selaras dengan amalan pertanian lestari yang mengambil kira sumber setempat.

Ahli Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), Biro Ekonomi Keusahawanan Wanita, Kampung Teluk Kecil, Pulau Pangkor, Roslina Yusof, 53, berkata beliau yakin dengan kepakaran UPM dalam bidang pertanian dan ingin mendalami ilmu penanaman cendawan secara sistematis.



“Saya harap dapat mengenal pasti kualiti cendawan dengan betul dan berkongsi pengetahuan ini kepada masyarakat kampung kami,” katanya.

Rakannya, Rahmah Rahmat, 63, berkata penyertaannya dalam kursus ini sebagai pengalaman pertama yang sangat bermanfaat.

“Program ini memberi pendedahan jelas tentang teknik penanaman cendawan yang betul serta maklumat berguna yang boleh dikongsi dengan penduduk kampung saya,” katanya.